



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	10/4/2021	MUKA SURAT	: 20
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

PERHILITAN rekod sitaan RM656,000 tiga bulan pertama 2021

BH 10/4/2021 M/s 20

Melaka: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) menerusi Operasi Bersepadu Khazanah (OBK), merekodkan nilai sitaan berjumlah RM656,000 sepanjang tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim, berkata jumlah sitaan itu hasil 19 kertas

sisatan yang dibuka membabitkan pelbagai kesalahan, termasuk pembalakan haram dan mencuri hasil hutan negara.

Beliau berkata, sejak 2019 sehingga Mac lalu, sebanyak 30 siri operasi OBK dilakukan termasuk tiga siri operasi sepanjang tiga bulan pertama tahun ini berjaya mengesan 104 jerat yang kemudiam dimusnahkan selain 15

kesan khemah pendatang asing tanpa izin (PATI).

"Kita juga berjaya mengesan 10 kesan tebingan pokok karas serta 51 kesan pemburuan lain selain 43 pesalah termasuk lapan warga asing berjaya ditangkap," katanya selepas Mesyuarat OBK Siri 7 yang turut dihadiri Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Badar, di sini, semalam.

Katanya, secara keseluruhan OBK yang bermula 2019 sehingga Mac 2021 berjaya merampas serta menyita sebanyak 18 laras senjata api berlesen dan senjata buatan sendiri dari pemburu haram.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata, 600 Renter Hidupan Liar akan dilantik PERHILITAN dibawah Program Perlindungan

dan Rondaan Biodiversiti (BP3) sepanjang 2021, terdiri daripada 160 veteran tentera dan 425 Orang Asli bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan di kawasan perlindungan.

"Tambahkan kepada lantikan itu, 15 veteran polis turut dilantik sebagai renter bagi membantu kerja risikan membabitkan jenayah hidupan liar," katanya.